

## DN 1.2: Memperkukuh Program Pemulihan dalam Komuniti (PDK) Kepada Golongan OKU

### CADANGAN TINDAKAN DAN PROGRAM

#### Justifikasi Cadangan:

- PDK adalah program yang diwujudkan oleh Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya (JPOKU), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).
- Ianya merupakan satu (1) strategi dalam pembangunan komuniti setempat bagi pemulihan, latihan, pendidikan, penyamaan peluang dan integrasi sosial orang kurang upaya (OKU).
- PDK dilaksanakan melalui usaha bersepadu OKU, keluarga, komuniti dan perkhidmatan kesihatan, pendidikan, vokasional dan sosial yang bersesuaian.
- Program ini dikendalikan di seluruh negara dengan penglibatan aktif komuniti sama ada di pusat PDK atau di rumah.

#### Komponen Cadangan:

- Pengukuhan program PDK dapat dilihat sebagai satu (1) kebaikan kepada masyarakat desa.
- Peranan program PDK boleh membantu dari segi aspek pembangunan sosial dan ekonomi kumpulan sasaran.
- Galakan penglibatan masyarakat tempatan memainkan peranan penting dalam membantu menjayakan program ini.

#### Kaedah Pelaksanaan:

- Pelaksanaan projek melalui kerjasama awam dan swasta serta masyarakat desa.

#### Faedah Program PKD:

- Memberi latihan dan pemulihan yang bersesuaian mengikut keperluan dan jenis kecacatan.
- Memupuk sikap lebih berdikari di kalangan OKU, warga emas dan ibu tunggal.
- Hubungan dan sokongan antara OKU dan keluarga dapat dipupuk dan diperkukuhkan.



**GOLONGAN OKU**  
**0.54%** Johor Utara

1,819 Orang

MUAR

782 Orang

SEGAMAT

1,176 Orang

TANGKAK

Sumber : Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 3: Johor Utara), 2021

### CADANGAN LOKASI

Cadangan ini melibatkan pengukuhan terhadap pusat PDK sedia ada di setiap daerah iaitu:

Daerah	Pusat PDK
Muar	<ul style="list-style-type: none"> <li>• PDK Amal</li> <li>• PDK Felda Maokil</li> <li>• PDK Lenga</li> <li>• PDK Maharani</li> <li>• PDK Nur Zaharah</li> <li>• PDK Pagoh</li> <li>• PDK Parit Keroma</li> <li>• PDK Permata Kasturi</li> <li>• PDK Sungai Abong</li> </ul>
Segamat	<ul style="list-style-type: none"> <li>• PDK Seri Impian Labis</li> <li>• PDK Sayangku Palong Timur</li> <li>• PDK Sayangku Segamat</li> <li>• PDK Seri Permata Jementah</li> <li>• PDK Sinar Cahaya Redong</li> <li>• PDK Sinar Munawarrah Bukit Siput</li> <li>• PDK Sinar Mutiara Kemelah</li> <li>• PDK Teratak Sayangku Chaah</li> </ul>
Tangkak	<ul style="list-style-type: none"> <li>• PDK Bukit Gambir</li> <li>• PDK Jauhar</li> <li>• PDK Serom</li> <li>• PDK Tangkak</li> </ul>
<b>Jumlah</b>	<b>21</b>

Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2021


### AGENSI PELAKSANA

Pemula	Pelaksana
<ul style="list-style-type: none"> <li>• KPWKM</li> <li>• JPCK</li> <li>• Jabatan Kebajikan Masyarakat</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• KPWKM</li> <li>• JPCK</li> </ul>

### ANGGARAN KOS

- **Naik Taraf Sedia Ada = RM 50,000 x 21 = RM 1,050,000.**

### FASA PELAKSANAAN




## Justifikasi Cadangan

Program Pemulihan dalam Komuniti (PDK) atau *Community based Rehabilitation* (CBR) telah diperkenalkan oleh Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) dan dimulakan di Malaysia oleh (WHO) sejak tahun 1980-an. Program PDK merupakan satu strategi pembangunan komuniti dalam rehabilitasi OKU, penyamaan peluang dan integrasi sosial OKU. Program PDK dilaksanakan melalui penglibatan aktif OKU, keluarga dan masyarakat setempat dengan disokong oleh perkhidmatan kesihatan, pendidikan, vokasional dan sosial serta menggunakan sumber tempatan.

Program ini merupakan satu usaha yang sangat positif untuk dipertingkatkan. Antara penambahbaikan yang disyorkan dalam kajian Pelan Hala Tuju Strategik Desa untuk program PDK ini adalah dengan pengukuhan infrastruktur dan kemudahan sedia ada untuk kelesaan penghuni.



Rajah 6.2: Strategi Pelaksanaan bagi Pengukuhan Program PDK



Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 3: Johor Utara), 2021



Foto: Aktiviti Sosial Bagi Tujuan Pemulihan dan Rawatan Golongan OKU  
 Sumber: Portal Rasmi Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK), 2022